

empower ECER Cameron Highlands tekad lahir usahawan berkualiti

Cameron Highlands: Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama UMP Advanced mengadakan program empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi menjana pembangunan sosioekonomi di beberapa tempat di negeri Pantai Timur, termasuk Cameron Highlands.

Baru-baru ini, satu Program Transformasi Usahawan empower ECER Cameron Highlands dianjurkan oleh UMP Advanced di daerah itu.

Program berkenaan membabitkan beberapa agensi kerajaan antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Agrobank.

Selain itu, majlis turut dimeriahkan dengan pertandingan dekorasi kek bertemakan, 'Tanah Tinggi Cameron' dengan penyertaannya membabitkan persatuan dalam daerah Came-

ron Highlands.

Antara matlamat penganjuran majlis itu adalah untuk meningkatkan taraf usahawan yang sudah mengikuti kursus anjuran empower ECER yang berlangsung pada awal Oktober tahun lalu.

Program itu membuka mata usahawan mengenai peluang dan inisiatif yang disediakan oleh agensi terbabit, di samping dapat melihat impak dihasilkan melalui program empower ECER khususnya, di Cameron Highlands.

Pelaksanaan program empower ECER bertujuan untuk memperkasakan ekonomi tempatan dengan menyediakan asas dan pembangunan sosioekonomi yang berterusan.

Program itu ditawarkan secara percuma dengan matlamat, meningkatkan taraf hidup komuniti se-tempat sekali gus meningkatkan ekonomi rakyat di Pantai Timur.

Majlis itu disempurnakan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Came-



Sulaiman bersama agensi dan peserta empower ECER Cameron Highlands.



Sesi penjurian pertandingan dekorasi kek bertemakan 'Tanah Tinggi Cameron'.

ron Highlands, Sulaiman Hussin.

Dalam ucapannya, beliau menyarankan supaya usahawan perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dalam memantapkan lagi perniagaan.

"Usahawan perlu sentiasa mempertingkatkan diri dengan pelbagai ilmu, termasuk pengurusan kewangan supaya ia dapat memantapkan lagi kedudukan kewangan syarikat."

"Di samping itu, mereka juga perlu peka dengan kewujudan inisiatif disediakan agensi lain yang boleh membantu mengembangkan perniagaan serta sentiasa kreatif dan berinovasi dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan masing-masing," katanya.